

18 JUN 2002

Abdullah-Mahathir

ABDULLAH BERI SANJUNGAN TINGGI KEPADA DR MAHATHIR, NEGARAWAN ULUNG

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi sanjungan tinggi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang negarawan ulung yang membawa negara dan rakyat melalui satu proses transformasi yang amat ketara dalam tempoh 21 tahun memimpin negara.

Timbalan Presiden Umno itu berkata Dr Mahathir bukan sahaja berjaya membangunkan negara secara fizikal tetapi juga mengubah minda rakyat Malaysia menjadi bangsa yang lebih yakin pada diri dan dihormati dunia.

"Malaysia hari ini memiliki identiti, memiliki harga diri, dihormati, disegani. Malaysia hari ini telah keluar dari status negara meminta," katanya ketika berucap merasmikan serentak Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita Umno serta Konvensyen Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata hasil kepemimpinan Dr Mahathir selama 21 tahun, di peringkat antarabangsa, Malaysia kini dilihat sebagai negara contoh dari segi kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan perpaduan rakyat.

Bagaimanapun beliau prihatin 11 juta rakyat atau 45 peratus dari rakyat Malaysia yang dilahirkan dalam tempoh kepemimpinan Dr Mahathir tidak memiliki pengalaman untuk membuat penilaian perbandingan tentang perbezaan tahap kemajuan bangsa dan negara.

Katanya golongan ini bukan sahaja dilahirkan pada era pasca merdeka malah hanya mengenali negara di bawah pimpinan seorang Perdana Menteri.

Bagi golongan ini era penjajahan adalah begitu asing dan mereka juga tidak dapat mengerti era pra-Dasar Ekonomi Baru, katanya.

Abdullah berkata memandangkan sebahagian daripada mereka akan sampai kepada usia layak mengundi dan menentukan kerajaan di dalam pilihan raya yang akan datang, mereka merupakan input utama yang akan menentukan halatuju dan rupa bentuk bangsa dan negara.

Oleh demikian mereka adalah warga yang harus dibawa dalam perjuangan Umno, supaya mempunyai minda dan memiliki orientasi menghayati nadi perjuangan dan menghargai peranan pemimpin dan Umno yang telah meletakkan negara di persada kejayaan dan kegemilangan.

"Mereka perlu disedarkan prasarana negara yang diwujudkan adalah untuk mereka gunakan, untuk mereka gembling bagi menjana kemajuan di masa hadapan," kata beliau.

Abdullah juga menyanjung tinggi Dr Mahathir kerana merupakan pemimpin Islam yang dilihat sebagai pemimpin Islam yang mengamalkan pendekatan realistik berlandaskan amalan kesederhanaan.

Beliau berkata pembangunan fizikal yang hebat semasa Dr Mahathir telah mempengaruhi lanskap sosial negara dari segi gaya hidup, cara hidup, bentuk pekerjaan, corak kerjaya, tenaga mahir, kumpulan ikhtisas, daya berfikir dan daya analisis rakyat.

Abdullah juga melahirkan rasa kagum terhadap Dr Mahathir kerana tidak pernah letih, mengenal kecewa, berputus asa dan tunduk kepada tekanan dan menjadi contoh hidup seorang pemimpin gigih, berani, tegas dan tekun.

"Itulah Dr Mahathir, Dr Umno. potret dan wajah, seorang negarawan yang celik hati, celik minda. Sikap dan watak seorang negarawan memiliki wawasan, karisma. memimpin, mengajar kita mengubah minda. Bersikap Malaysia Boleh, kita boleh.

Abdullah berkata sesungguhnya negara, rakyat, parti dan bangsa amat

bertuah dikurniakan seorang pemimpin yang begitu karismatik.

"Kami doakan semoga beliau terus diberikan kekuatan membawa negara dan warga ke persada kejayaan lebih cemerlang, lebih gemilang," katanya.

-- BERNAMA

JM ZS RON